

Bil. S 29

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI (PINDAAN), 2004

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 13 dari Penggal 163.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI (PINDAAN), 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Pindaan), 2004.

Pindaan bab 13 dari Penggal 163.

2. Bab 13 dari Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei adalah dipinda dengan memotong cerai (6) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(6) Jika Pengarah Urusan tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, Pengerusi lembaga pengarah Perbadanan boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik mana-mana pengarah yang dilantik di bawah cerai (2) bab 5 untuk menunaikan kewajipan-kewajipan Pengarah Urusan dalam tempoh ketiadaan atau ketiadaupayaannya itu:

Dengan syarat bahawa, jika ketiadaan atau ketiadaupayaan tersebut adalah bagi suatu tempoh yang kurang dari 30 hari, kuasa untuk membuat sebarang lantikan tersebut hendaklah terletak hak pada Pengerusi yang akan memberitahu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai lantikan itu."

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 20 haribulan April, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**